

## Info

**Lima tempat menarik bagi ulat buku di dunia****→ Shakespeare and Company, Paris**


Dibuka warga Amerika Syarikat, Sylvia Beach yang bukan saja berfungsi sebagai perpustakaan bahkan syarikat penerbitan dan penginapan mereka bakal bergelar penulis. Ia pernah disebut dalam karya Ernest Hemingway bertajuk A Moveable Feast.

**→ Pustaka Liyuan, Beijing**

Pemenang anugerah arkitek, Li Xiaodong membina bangunan perpustakaan berbentuk kotak kayu dengan kemasan kaca di pekan kecil Jiajiehe, khusus menarik tumpuan orang ramai ke pekan terpencil yang kian ditinggalkan itu. Ia mengubati hati warga tempatan yang kesunyian dan sedih menyaksikan penghijrahan besar-besaran golongan muda ke bandar.



12/6/2016  
m/s 8-9



# Bandar Buku di kaki gunung

## → **Pustaka Awam Cincinnati And Hamilton County, Amerika Syarikat**

Bermula dengan perpustakaan biasa pada 1802, ia menjadi pustaka menawarkan khidmat lebih meluas untuk masyarakat umum pada Mac 1853. Ia antara pustaka pertama di Amerika Syarikat dibuka pada hari Ahad dan pada Mac, 1871, waktu operasi bilik bacaan utamanya dipanjangkan iaitu bermula jam 8 pagi dan tutup pada pukul 10 malam.

## → **Pustaka Penyelidikan The Rijksmuseum, Amsterdam**

Pustaka penyelidikan seni dan sejarah umum terbesar di Belanda yang mengambil sebahagian ruang Rijksmuseum. Katalog web dalam talian mengandungi kira-kira 300,000 monograf, 3,400 majalah dan 90,000 jualan seni katalog.

## → **Kedai Buku Terpakai Leakey, Scotland**

Kedai buku terpakai berkembar kafe diuruskan Charles Leakey sejak 1979 kini dinobatkan kedai buku terbesar di Scotland. Selain bahan cetakan lama dan jarang jumpa, kedai terletak di Church Street ini juga menjadi tumpuan peminat buku mencari karya klasik, peta lama dan karya penulis agong.

## → **Setengah juta pelancong berkunjung ke pekan bersempadan Wales dan England**

Destinasi ini sering dirujuk sebagai Bandar Buku kerana ia menarik kehadiran pencinta buku untuk berkunjung dan melakukan tawar-menawar.

Terdapat kira-kira 40 gedung dan kedai buku yang kebanyakannya menjual buku terpakai.

### **Pesta kesusasteraan Hays**

Kebiasaannya, pada penghujung Mei setiap tahun, Pesta Kesusasteraan Hay dibanjiri lebih 80,000 penulis, penerbit, penggemar sastera, pakar sejarah, pembikin filem, ahli falsafah, penyajak, ahli muzik, malah saintis dari seluruh dunia semata-mata mendapatkan buku yang memberi idea baru di samping memperkaya pengetahuan.

Ramai pelancong mengaku turut terpesona dengan pekan yang

tidak pernah diusik pembangunan sejak abad ke-20. Menurut mereka, bersiar-siar melihat tinggalan rumah agam dan runtuhannya istana membangkitkan nostalgia masa silam.

Namun, yang lebih memberi kejutan, setiap tempat memperuntukkan ruang menjual buku termasuk panggung wayang malah balai bomba.

“Di pekan ini, semua orang memegang buku bahkan pengutip sampah dilihat tekun menelaah karya Freud,” tulis sebuah blog buku terkenal, *The Guardian*.

### **Borong buku di Amerika**

Kegilaan masyarakat setempat terhadap buku bermula pada tahun 1961 sewaktu pembukaan kedai buku pertama oleh Richard Booth mendapat sambutan.

Kedai itu mengambil

alih balai bomba lama di Hay dan dikendalikan dua pekerja yang diupah oleh Booth. Mereka juga dibawa oleh Booth ke Amerika Syarikat untuk memborong seberapa banyak buku sebelum dihantar dengan kontena ke Hay-On-Wye.

Kejayaan Booth mendorong kemunculan lebih banyak pustaka dan kedai buku, bahkan pelbagai

strategi dirancang bagi melariskan jualan buku termasuk menempatkan rak dan para terbuka di serata ceruk pekan.

Menjelang tahun 1970-an, pekan Hay kian dikenali di peringkat antarabangsa sekali gus mengilhamkan gelaran Bandar Buku. Kini, pekan kecil itu dikunjungi sekurang-kurangnya 500,000 pelancong setahun.

**Susunan Bennie Zie Fauzi**  
bennie@bh.com.my

**H**ay-on-Wye adalah pekan kecil yang memiliki pasar dan komuniti kecil terletak di tebing Sungai Wye serta di kaki banjaran Gunung Brecon Beacons di Powys, Wales yang bersempadan dengan England.

Di pekan ini, semua orang memegang buku, bahkan pengutip sampah dilihat tekun menelaah karya Freud

The Guardian


## Kedai tanpa dinding

Dalam sekian banyak kedai buku, terdapat sebuah kedai dikenali sebagai Honesty Bookshops disifatkan paling menarik dan luar biasa. Tanpa ber-dinding, tetapi memadai rak buku disusun berbaris rapat ke tembok juga tiada penjaga dan pembantu jualan.

"Perbuatan mereka tidak ubah seperti perokok yang membakar hangus jantung dan paru-paru secara perlahan. Saya mendapati, ada yang mula menyeludup e-readers ke Hay-On-Wye dan bagi saya, ia amalan tidak bermoral," katanya.

Addyman dan pendu-

Kain pemedang mengesa kempen membanteras bahan bacaan elektronik.



Pelbagai pilihan buku untuk di letak di rak terbuka.



Pelanggan yang datang ke kedai terletak di tapak istana merangkap kubu pertahanan kurun ke-12 ini, akan memilih mana-mana buku disukai sebelum membayar dengan memasukkan sejumlah wang ke dalam peti surat.

Faktor lain menyebabkan ia menjadi tumpuan ramai ialah kerana harga buku yang bukan kepalang murah iaitu RM6 (1 pound) bagi cetakan kulit tebal manakala buku berkulit nipis dijual dengan harga 60 sen (10 pennies).

### Saingan sengit buku elektronik

Pengusaha, Derek Addyman, 58, yang mengabdikan seluruh hidupnya menguruskan tiga kedai bukunya iaitu Addyman Books, The Addyman Annexe dan Murder & Mayhem, menyelar mereka yang gemar melanggan bahan bacaan elektronik.

**Rak berbentuk unik** antara tarikan yang menyerikan landskap bandar.

duk tempatan ain Khuatir perkembangan tidak sihat yang berlaku kini mampu menutup peluang mengulangi kejayaan Pesta Kesenian dan Kesusasteraan Hay hingga berupaya menambat golongan ternama untuk singgah ke pekan ini.

Bahkan bekas presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton pada 2001 memanggil tempat berkenaan sebagai Minda Woodstock (The Woodstock of the mind).



Fakta  
nombor

40

Jumlah gedung buku

80,000

Jumlah pengunjung  
Festival Kesusasteraan Hay

500,000

Pelancong yang datang  
ke Hay-on-Wye setahun